

"Bastara, tidak mustahil pesakit skizofrenia akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai norma manusia normal seperti membunuh," katanya kepada peserta bengkel Orang-Gila atau Skizofrenia di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Morung, selingkan diri
Katanya lagi, penghidap akan berhadapan dengan sekurang-kurangnya dua kriteria gejala iaitu gejala positif

seperti delusi dan halusinasi. Pesakit juga mengalami gejala negatif seperti kemurungan, pengasingan diri dan emosi yang tidak terkawal selain pertuturan dan tingkah laku tidak beraturan.

"Banyak pesakit skizofrenia lambat mendapatkan rawatan kerana keluarga tidak sedar perubahan tingkah laku yang dialami pesakit dan situasi yang paling terap berlaku.

"Pesakit lazimnya akan

dibawa berubat secara tidak disional dan perenca dirujuk makhluk halus.

"Dengan tanggapan seperti ini, ada kalanya rawatan yang dijalankan tidak menjadi dan mereka terus dibiarkan sehinggalah keadaan tidak dapat dikawal. Ketika itu barulah pesakit dihantar ke hospital dan menyebabkan pesakit mengambil masa yang lama untuk kembali pulih," katanya.



Ramai masih pilih kaedah rawatan tradisional

Pensyarah dan Doktor Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Dr Huzli Zakaria, berkata dianggarkan 54 peratus daripada pesakit psikiatri mempunyai sekurang-kurangnya satu hubungan dengan penyembuh tradisional sebelum berunding dengan perkhidmatan psikiatri.

Beliau berkata, keadaan ini menunjukkan pelbagai lapisan masyarakat di negara membangun juga memilih mereka sebagai pilihan utama.

Katanya, perkara berkenaan bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan di negara lain antaranya Indonesia, India, China, Korea

dan Filipina.

"Punca gangguan mental yang ditunjukkan pengamal perubatan tradisional seperti ilmu hitam atau gangguan roh jahat.

"Kebergantungan ini tidak boleh disalahkan kerana keadaan keluarga yang terlalu terdesak untuk memulihkan pesakit.

Sesi kaunseling pulihkan pesakit

"Mereka tahu jika kes berkenaan dirujuk kepada pakar perubatan moden akan mengambil masa, berbanding rawatan alternatif yang memberi penyelesaian terus kepada masalah itu," katanya.

Dr Huzli berkata, beliau tidak menafikan kebaikan

yang diperolehi daripada rawatan alternatif, tetapi hanya kepada rawatan dalam kes neurosis sahaja.

Apabila seseorang itu merujuk kepada pengamal perubatan tradisional, beliau berkata, biasanya mereka akan ditawar menggunakan air bucin, jampi, herba, urutan, dan doa.

Berbanding di hospital yang menggunakan ubat dan kaunseling dalam prosedur perubatan.

Namun, kedua-duanya rawatan itu mempunyai manfaat sama iaitu merawat penyakit daripada terus melarat. Rawatan tradisional hanya sebagai pelengkap kepada rawatan moden.

INFO

Rawatan awal bantu kawal kemelutaran

Skizofrenia dianggarkan memberi kesan kepada satu peratus populasi dunia dan jumlah ini meningkat.

Simptom skizofrenia muncul pada individu berusia antara 15 ke 35 tahun.

Secara gender, lelaki dan perempuan memiliki risiko sama mendapat skizofrenia tetapi gejala lebih cepat muncul pada lelaki.


Sekitar 50 peratus pesakit boleh menikmati kehidupan yang selesa dan produktif dengan mengikuti rawatan dan mendapatkan ubat-ubatan mengikut jadual.

Pesakit skizofrenia lebih ramai membunuh diri jika dibandingkan dengan populasi umum.

Dianggarkan 10 peratus pesakit (terutama lelaki muda) membunuh diri.

Skizofrenia boleh terjadi dalam keluarga Risiko mewasnyanya bagi mereka yang memiliki keluarga terdekat mengalami skizofrenia 10 peratus manakala 40 peratus bagi mereka yang memiliki ibu bapa atau kemand yang skizofrenia.

Skizofrenia Bermaksud minda yang terpisah dan ia mungkin anggapan salah mengenai self personality bermula. Seorang psikiatri Sweden, Eugen Bleuler menggunakan perkataan ini buat kali pertama pada tahun 1908 untuk menjelaskan keadaan pesakit yang pemikirannya seakan tidak boleh lagi bersambung.



PUNCA GANGGUAN MENTAL YANG DITUNJUKKAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL SEPERTI ILMU HITAM ATAU GANGGUAN ROH JAHAT. KEBERGANTUNGAN INI TIDAK BOLEH DISALAHKAN KERANA KEADAAN KELUARGA YANG TERLALU TERDESAK UNTUK MEMULIHKAN PESAKIT"

Dr Huzli Zakaria,
Pensyarah dan Doktor Psikiatri PPUKM

